



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)

Peti Surat 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya Selangor, Malaysia

Tel: 03-7955 7266, 7955 7050, 79557085

Fax: 03-7954 0795

Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. <http://www.mpc.gov.my>

## ***KENYATAAN MEDIA***

### ***UNTUK SIARAN SEGERA***

***25 Julai 2018***

### **Organisasi lebih cekap dan produktif melalui aktiviti Team Excellence**

Petaling Jaya ó Konvensyen *Team Excellence* peringkat Wilayah Tengah anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menyokong inisiatif peningkatan produktiviti, kreativiti dan daya saing yang lebih tinggi.

Datoø Mohd Razali Hussain, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berkata inisiatif *Team Excellence* ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi budaya kreativiti dan inovasi di dalam sesebuah organisasi dan platform ini disediakan supaya warga organisasi yang mempunyai idea kreatif dan berjaya mentransformasikan idea tersebut dapat berkongsi dengan organisasi lain.

Nilai tambah yang diwujudkan melalui aktiviti peningkatan produktiviti ini dengan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik, kos yang lebih rendah serta masa yang lebih pantas, dapat ditanda aras oleh organisasi lain bagi membolehkan lebih banyak lagi organisasi menjadi semakin cekap dan produktif katanya.

Konvensyen selama dua hari ini telah menyaksikan persembahan sebanyak 113 kumpulan yang merupakan penyertaan yang paling tinggi berbanding dengan Wilayah yang lain iaitu Wilayah Utara, Selatan, Pantai Timur dan Sabah & Sarawak pada tahun ini. Pada kali ini, 68 buah organisasi awam dan swasta dengan jumlah peserta seramai 927 telah mengambil bahagian di dalam konvensyen.

Kumpulan-kumpulan *Team Excellence* yang berjaya di peringkat ini akan melayakkan kumpulan masing ó masing ke Peringkat Kebangsaan iaitu bersempena dengan Annual Productivity & Innovation Conference (APIC) 2018 yang akan diadakan pada 13-15 November 2018 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid (SPCC).

**-Tamat-**

**Mengenai Perbadanan Produktiviti Malaysia(MPC):**

*Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ialah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). MPC menjalankan aktiviti bagi peningkatan produktiviti, kualiti dan daya saing. Visi utama MPC ialah menjadi peneraju dalam meningkatkan produktiviti ke arah daya saing global yang kompetitif dan berinovasi.*

---

Pertanyaan Media : **VIMALA Tel: 012 2435208, HUDA ATIQAHA Tel: 013-726 1950**  
**Fax: 03 79540795 ; e-mel [vimala@mpc.gov.my](mailto:vimala@mpc.gov.my) @ [atiqah@mpc.gov.my](mailto:atiqah@mpc.gov.my)**

---